

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

Mac/April 1996

HMT 202 Teknik Berkomunikasi

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI DUA BELAS (12) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.**

Jawab **ENAM (6)** soalan. Jawapan kamu hendaklah ringkas.

Setiap jawapan bernilai 10 markah.

1. Beri definisi komunikasi.
2. Apakah persepsi? Bagaimana persepsi mempengaruhi komunikasi dalam bahasa Melayu?
3. Logik sangat penting dalam komunikasi. Jelaskan dan beri contoh dua kaedah dalam membuat kesimpulan iaitu kaedah deduktif dan induktif.
4. Ada banyak jenis kekhilapan logik. Jelaskan dan beri contoh kekhilapan ad hominem dan non sequitur.
5. Bagaimana mempertingkatkan kemahiran mendengar?
6. Beri tiga unsur parabahasa dalam bahasa Melayu. Huraikan dengan contoh.
7. Bezakan sistem panggilan yang sopan dan rasmi daripada yang mesra dalam bahasa Melayu. Apa fungsi setiap satu dalam memulakan percakapan?

8. **Apakah bahasa berlapis-lapis. Beri contoh. Bagaimanakah kita mengelakkan bahasa berlapis-lapis untuk mempertingkatkan kesan komunikasi.**
9. **Dengan menggunakan teknik bercerita, cuba yakinkan sahabat kamu supaya berhenti merokok.**
10. **Nyatakan tahap-tahap dalam perhubungan. Bagaimanakah kita dapat mengekalkan perhubungan pada tahap yang maksimum.**
11. **Apakah kepekaan budaya yang mesti ada pada seseorang untuk berkomunikasi dalam konteks negara Malaysia?**
12. **Nyatakan bagaimana kita dapat membina bahasa Melayu yang dapat berfungsi dalam dunia korporat.**

--ooo000ooo--